

15 MAY 2003

DR MAHATHIR: PEMBINAAN BANGSA MALAYSIA AGENDA UTAMA NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Pembinaan Bangsa Malaysia menjadi agenda utama negara yang harus dipupuk di dalam minda dan perilaku belia hari ini, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ia perlu ditumpukan kepada menanam semangat perpaduan, kasih sayang, kerjasama, persefahaman, dan cinta kepada keamanan dan keharmonian hidup antara pelbagai kaum di negara ini.

"Usaha untuk menjana kecemerlangan bangsa merupakan tindakan yang bersepadu dan berterusan dengan golongan belia menjadi tunggaknya," kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata Perhimpunan Hari Belia Negara 2003.

Perdana Menteri merasmikan sambutan yang bertemakan "Menjana Kecemerlangan Bangsa" itu di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata teras pembangunan negara adalah untuk melengkapkan belia dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi membolehkan mereka menghadapi halangan dan cabaran arus globalisasi.

Katanya belia merupakan aset amat bernilai yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara.

-- BERNAMA

HK MFJ LAT